

KOLEKSI PERCUBAAN
SPM
TASAWWUR ISLAM
2022
BAHAGIAN B
SOALAN 4


JOHOR 1

- 4 a i. Nyatakan maksud murunah. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** ciri-ciri prinsip murunah dalam pandangan hidup Islam. [4 markah]
- iii. Huraikan **dua** perbezaan antara murunah dan thabat. [4 markah]
- b i. Terangkan **dua** kesan jika seseorang tidak bermuamalat dengan muamalat Islam. [4 markah]
- ii. Anita berasa tidak berpuas hati kerana barang yang dipesan tidak seindah rupa yang ditawarkan melalui pembelian di atas talian. [6 markah]

Apakah yang wajar dilakukan oleh Anita. Kemukakan pandangan anda.

JOHOR 2

- 4 (a) Apakah maksud Islam ? [2 markah]
- (b) Senaraikan **empat** kitab yang diturunkan kepada para rasul Nya. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** hukum di dalam pembahagian ibadah khusus. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** prinsip di dalam muamalat Islam. [4 markah]



- (e) (i) Senaraikan **dua** jenis sistem muamalat Islam yang boleh membantu Daniel jika dia ingin membeli rumah di atas. [2 markah]
- (ii) Huraikan kelebihan jika Daniel hanya menyewa sahaja di rumah di atas. [4 markah]

KELANTAN

- 4 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perkara ghaib ?. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh perkara ghaib. [2 markah]
- (b) (i) Antara prinsip pandangan hidup Islam ialah murunah. [2 markah]
Jelaskan maksud murunah.
- (ii) Nyatakan **dua** kelebihan sifat murunah. [4 markah]

Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah untuk memudahkan urusan manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Antara muamalah tersebut seperti al-Rahnu, al-Wadi'ah, al-Murabahah, al-Bai' Bithaman Ajil, al-Ijarah dan sebagainya.

- (c) (i) Berdasarkan pernyataan di atas jelaskan **dua** sebab mengapa Islam [4 markah]
menyediakan pelbagai jenis muamalah tersebut.
- (ii) Cik Zulfa ingin membeli sebuah kereta untuk memudahkan beliau [6 markah]
berulang alik ke tempat kerja.
Apakah jenis muamalah Islam yang sesuai untuk beliau ?. Jelaskan
keistimewaan muamalah tersebut.

PAHANG

- 4 (a) Apakah maksud ibadat umum berserta contoh. [3 markah]
- (b) Senaraikan **empat** contoh akhlak mahmudah. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** ciri Syumuliyah. [4 markah]
- (d) Berikan **tiga** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. [3 markah]

Umar dengan rela melakukan akad (kontrak) bagi menyewa rumah miliknya selama setahun kepada Abu Bakar dengan kadar sewa RM 500 sebulan.

- (e) (i) Siapakah pemberi sewa dan penyewa dalam pernyataan di atas? [2 markah]
- (ii) Bincangkan kebaikan yang diperolehi oleh pemberi sewa atau penyewa menerusi kaedah sewaan dalam sistem muamalat Islam. [4 markah]

PULAU PINANG 1

4. (a) i. Apakah maksud akidah? [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar. [4 markah]
- (b) Nyatakan kepentingan ibadah berikut dalam Islam: [4 markah]
 i. Lafaz syahadah
 ii. Solat
- (c) i. Berikan maksud ekonomi Islam. [2 markah]
 ii. Nyatakan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- Berpaksikan akal fikiran semata-mata
 - Berasaskan kebebasan mutlak individu
- Pernyataan di atas berkaitan sistem ekonomi konvensional.
- (d) i. Namakan jenis sistem ekonomi tersebut. [2 markah]
 ii. Huraikan **dua** kesan sistem ekonomi tersebut terhadap masyarakat. [4 markah]

PERAK

- 4 (a) Huraikan cara beriman **dua** daripada perkara berikut:
 - Beriman kepada Malaikat
 - Beriman kepada Rasul
 - Beriman kepada Hari Akhirat [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** cara bertaubat [2 markah]
- (c) Terangkan **dua** amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** keistimewaan Sistem Ekonomi Islam. [4 markah]



- (e) (i) Senaraikan **dua** sistem muamalat yang boleh diamalkan berdasarkan gambar di atas. [2 markah]
- (ii) Kemukakan cadangan anda, bagi menjadikan mumamalat ini lebih diminati berbanding makan gaji. [4 markah]

PULAU PINANG 2

4. (a) i.

Allah SWT berfirman: Ertinya: <i>"Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku."</i> (Surah al-Dzariyat 51:56)
--

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan maksud ibadah dalam Islam.

[2 markah]

- ii.

Z
Kewajipan secara kolektif yang merujuk kepada sesuatu amalan yang dituntut oleh syarak ke atas seluruh kaum Muslimin secara umum untuk mengerjakannya. Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajipan tersebut.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan istilah bagi **Z** serta **tiga** contoh ibadah yang berkaitan dengannya.

[4 markah]

- (b)

Prinsip pandangan hidup Islam boleh dijadikan sebagai kaedah penyelesaian kepada isu dan persoalan ummah.

Berdasarkan kenyataan di atas, terangkan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.

[4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** ciri muamalat Islam.

[4 markah]

- (d) i. Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Puan Lufa telah datang ke Bank Muamalat Bilal untuk menggadaikan barangan kemas, seterusnya mendapat sejumlah wang bagi memulakan perniagaan bersama Encik Rizz. Kemudian, pihak bank memberikan surat gadaian kepadanya bagi menebus semula barangan kemas tersebut dalam masa yang ditetapkan.
--

Senaraikan **dua** jenis sistem muamalat Islam yang berlaku dalam situasi di atas.

[2 markah]

- ii. Huraikan langkah yang boleh dilakukan pihak kerajaan bagi menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan sistem muamalat di atas.

[4 markah]

TERENGGANU

4. (a) *Rasulullah SAW mempunyai ketinggian akhlak yang terpuji*
- (i) Apakah maksud akhlak menurut Islam? (2 Markah)
- (ii) Nyatakan **dua** cara penghayatan sifat penyabar dalam diri seseorang. (2 Markah)
- (b) (i) Nyatakan **dua** prinsip 'Alamiyyah menurut Islam. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** bukti islam mengamalkan prinsip 'Alamiyyah dalam ajarannya. (4 Markah)
- (iii) Terangkan **dua** bukti yang menunjukkan Waq'iyyah dalam muamalat (4 Markah)
- "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar)"*
- (Surah An Nisa':29)
- (c) (i) Nyatakan **dua** etika muamalat dalam Islam. (2 Markah)
- (ii) Berdasarkan ayat di atas, mengapakah Islam melarang umatnya melakukan perkara tersebut? Berikan hujah anda (4 Markah)

SABAH

4. (a) i. Alamiyyah adalah salah satu daripada prinsip pandangan hidup Islam.
Nyatakan pengertian Alamiyyah
(2 markah)
- ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip 'Alamiyyah.
(4 markah)
- iii. Huraikan **dua** bukti ajaran Islam bersifat 'Alamiyyah.
(4 markah)
- (b) i. Jelaskan peranan Takaful dalam institusi kewangan Islam di Malaysia.
(2 markah)
- ii. Pemilikan harta dalam Islam bermaksud sesuatu yang dikurniakan oleh Allah kepada hambaNya untuk dimiliki dan memanfaatkan menurut kehendak syarak.
Jelaskan **dua** matlamat pemilikan harta.
(2 markah)
- (c) i. Pada pandangan anda, mengapakah masih ada peniaga yang tidak tidak bermuamalat dengan cara muamalat Islam?
(2 markah)
- ii. Sebagai seorang peniaga, apakah langkah anda untuk menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam
(4 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Apakah maksud akhlak mahmudah? [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kesan akhlak mahmudah kepada masyarakat. [4 markah]
- (iii) Terangkan dua cara mengelakkan terjadinya budaya buli dalam kalangan murid sekolah anda. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan maksud institusi kewangan Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan empat institusi kewangan Islam di Malaysia selain Baitulmal. [4 markah]

Institusi baitulmal berfungsi untuk menguruskan harta orang Islam Yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri.

- (c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan supaya rakyat mengetahui kebaikan institusi baitulmal dalam pengurusan kewangan mereka.
[4 markah]

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

4.	(a)	i.	maksud murunah : - Luwes atau anjal, iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap atas prinsip asasnya	2 isi x 1 markah = 2 markah					
		ii.	Jelaskan dua ciri-ciri prinsip murunah dalam pandangan hidup Islam. - Islam agama yang mudah. - Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan.	2 isi x 2 markah = 4 markah					
		iii.	Dua perbezaan antara murunah dan thabat: <table border="1"><thead><tr><th>Murunah</th><th>Thabat</th></tr></thead><tbody><tr><td>Luwes atau anjal</td><td>Tetap dan teguh</td></tr><tr><td>boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.</td><td>perkara yang tetap (qat'iyy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam.</td></tr></tbody></table>	Murunah	Thabat	Luwes atau anjal	Tetap dan teguh	boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.	perkara yang tetap (qat'iyy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam.
	Murunah	Thabat							
Luwes atau anjal	Tetap dan teguh								
boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.	perkara yang tetap (qat'iyy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam.								
(b)	i.	Dua kesan jika seseorang tidak bermuamalat dengan muamalat Islam : • Dilaknat oleh Allah kerana ingkar perintahnya • Jiwa menjadi resah kerana harta ditipu boleh orang lain # Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi 2 H = 4 markah						
		ii.	Apakah yang wajar dilakukan oleh Anita. Kemukakan pandangan anda. Anita boleh mengadu kepada syarikat tersebut untuk menghantar barangan yang sebenar (isi) agar kedua-dua pihak dapat menjalankan muamalat dengan baik (H1). Hal ini dapat menjaga nama baik syarikat tersebut (H2) kerana prihatin terhadap kesilapan yang dilakukan (H3). Kesannya, Anita akan mendapat ganti barangan yang diperlukan tanpa mengenakan bayaran tambahan (H4). Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dalam urusan jual beli agar rezeki yang diperolehi diberkati Allah.(K)	6 markah Isi H1 H2 H3 H4 K					

JOHOR 2

4. (a) Maksud Islam ialah taat perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya [4M]

(b) Empat kitab yang diturunkan ialah :-

- Zabur - Injil
- Taurat - Al-Quran [4M]

(c) Dua hukum dalam pembahagian ibadah khusus ialah :-

- Fardhu Ain seperti solat 5 waktu
- Sunat seperti solat sunat
- Fardhu Kifayah seperti solat jenazah (Pilih dua hukum sahaja) [4M]

(d) Dua prinsip di dalam muamalat Islam ialah :-

- Kerelaan dalam urusaniaga
- Tidak mengandungi elemen haram
- Tidak membawa kepada kerosakkan ekonomi (Pilih dua prinsip sahaja) [4M]

(e) Dua jenis muamalat yang dapat membantu seseorang untuk membeli rumah :-

- Al Murabahah
- Al Bai' Bithaman Ajil
- Al Wadiah (Pilih dua jenis sahaja) [2M]

(ii) Sekiranya hanya sekadar menyewa sahaja, maka kelebihan yang akan diperolehi ialah :-

- Tidak akan terlibat dalam hutang yang boleh membebankan hidup. Ini akan membuatkan hidup semakin tenang. [4M]

KELANTAN

4	(a)	(i)	Maksud perkara ghaib ialah Perkara yang tidak dapat ditanggapi dan dilihat oleh pancaindera manusia.	[1 Isi X 2 m] [2 markah]
		(ii)	Dua contoh perkara ghaib ialah. 1. syurga, 2. neraka, 3. dosa, 4. pahala Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	(2 Isi x 1 m = [2 markah]
	(b)	(i)	Maksud murunah ialah Ajaran Islam boleh berubah mengikut perubahan hidup manusia / tetapi tetap diatas perinsip asasnya	[1 Isi X 1 Huraian] [2 markah]
		(ii)	Dua kelebihan sifat murunah. 1. Islam adalah bersifat sederhana dan tidak membebankan umatnya. 2. Memberi peluang kepada umat Islam dalam melaksanakan segala ibadat mengikut kemampuan mereka. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
	(c)	(i)	Dua sebab Islam menyediakan kepelbagaian jenis muamalah 1. Untuk mengajar manusia supaya sentiasa hidup bersatu padu, tolong-menolong, dan bekerjasama dalam mengembangkan ekonomi melalui sistem muamalah Islam seperti musyarakah, ijarah dan jual beli. 2. Untuk memastikan kehidupan manusia sentiasa berperaturan 3. Untuk menghindarkan perbuatan zalim seperti penganiayaan dan penindasan ke atas golongan yang lemah dengan menggunakan riba 4. Untuk keselesaan dan kemudahan manusia memilih cara bermuamalah yang mereka suka. 5. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
		(ii)	Jenis muamalah yang sesuai dengan keadaan Cik Zulfa dan keistimewaannya : Al-Bai' Bithaman Ajil Ia memberi kemudahan kepada beliau(F) untuk mendapatkan sebuah kereta dengan membayarnya secara ansuran(H) kerana beliau tidak mempunyai wang yang cukup(H1) untuk membelinya secara tunai(H2) Dengan itu beliau dapat berulang alik ketempat kerja dengan seslesa(F3)ini menunjukkan bahawa muamalah Islam dapat memberi manfaat kepada manusia (H4) F2- Al Ijarah F3- Berhutang F4- Al Bai' F5- Ar Rahn	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [6 markah]

PAHANG

4.	(a)	Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT (1m) bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat (1m) Contoh : • Belajar • Bekerja • Membuat penyelidikan • Membuang benda bahaya dari jalan • Bekerja sebagai / menjadi doktor / guru Jawapan munasabah diterima	Maksud 2 isi x 1 m = 2 m Contoh 1 isi x 1 m = 1 m
	(b)	• Reda • Amanah • Bersyukur • Menjaga Islam • Menghormati orang lain • Memelihara alam sekitar Jawapan munasabah diterima	4 isi x 1 m = 4 m
	(c)	• Manusia dibekalkan dengan akal / syariat lengkap • Islam tidak terikat dengan masa / tempat / ruang tertentu • Kesempurnaan hanya milik Allah SWT / Allah SWT Maha Sempurna	2 isi x 2 m = 4 m 2 - 0
	(d)	• Sesuai dengan fitrah / akal manusia / 'Alamiyyah • Sesuai dengan peranan sebagai khalifah • Bersifat jelas / praktikal / Waq'iyah • Rahmat bagi sekalian alam • Mementingkan budaya ilmu • Keseimbangan • Bersifat Rabbaniyyah / Berteraskan wahyu / Ciptaan Allah SWT. • Bersifat Syumuliyah	3 isi x 1 m = 3 m
	(e) (i)	Pemberi sewa : Umar Penyewa : Abu Bakar	2 isi x 1 m = 2 m

(ii)

Contoh Jawapan :-

Pemberi sewa dapat menambahkan pendapatannya (F1) dengan cara yang halal (H1) kerana menggunakan muamalah Islam (H2). Kesimpulannya kita hendaklah patuh kepada ajaran Islam dalam kehidupan (H3)

ATAU

Penyewa dapat memenuhi keperluan hidupnya (F1) secara patuh syariah (H1) kerana menggunakan muamalat Islam (H2). Oleh itu kita hendaklah mengamalkan syariat Islam agar diredai Allah SWT (H3)

Cadangan jawapan :-

1. Pemberi sewa

- Dapat memanfaatkan harta.
- Dapat menolong orang yang memerlukan.
- Mengelakkan harta terbiar / Mengelakkan pembaziran harta.

2. Penyewa

- Dapat hidup selesa.
- Dapat menyediakan tempat tinggal untuk diri / keluarga

PULAU PINANG 1

4	a	i	Maksud akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat2 kesempurnaan-Nya (1 m)/ berdasarkan dalil naqli dan aqli (1 m)	2 isi X 1 = 2 markah
		ii	Dua amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar - Berdoa kepada Allah- senjata org mukmin,yakin Allah akan perkenankan - Berzikir mengingati Allah- disukai Allah dan menenangkan hati - Bertawakkal- setelah berusaha dan berdoa, yakin ketentuan baik drp Allah - Bertaubat-banyak istighfar dan menyesal serta tidak ulang lagi kesalahan - Mujahadah- Berusaha melawan nafsu dengan meningkatkan ibadat - Muhasabah- Menilai kekurangan diri dan memperbaikinya	2 Isi x 2 markah =4 markah
	b		Kepentingan ibadat berikut dalam Islam; i-Lafaz syahadah - Menjadi bukti penyaksian Allah SWT sebagai pencipta dan nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT. - Syarat untuk menjadi seorang muslim ii-Solat - Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT - Meningkatkan ketakwaan - Meningkatkan hubungan baik dalam masyarakat melalui solat berjemaah	2 isi x 2 markah=4 m
	c	i	Maksud ekonomi Islam - ialah ilmu bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan syariat .	1 isi x 2 markah
		ii	Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam - Bermotifkan lesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. - Berteraskan nilai dan akhlak Islam. - Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan ajaran dan wahyu Allah SWT. - Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam. - Memberikan keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (dharuriyyat) dan keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat).	2 isi x 1 markah = 2 markah

	d	i	Jenis ekonomi tersebut ialah; -Ekonomi Kapitalis	1 isi x 2m = 2 markah
		ii	Kesan sistem ekonomi tersebut (ekonomi kapitalis) terhadap masyarakat ● Amalan riba berleluasa / menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin semakin tertindas ● Nilai- nilai moral semakin terhakis / kerana kerana berleluasanya gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi ● Pengagihan harta menjadi tidak adil/ kerana berlaku jurang antara golongan yang kaya dengan miskin. ● Keharmonian hidup masyarakat akan terjejas / kerana hubungan silatullahim yang menipis. ● Pemilikan harta hanya tertumpu kepada kelompok atasan sahaja/ kerana golongan ini bijak memanipulasi.	2 isi x 2 =4 markah 1 Isi = 1 markah 1 Huraian = 1 markah

PERAK

4	(a)	1. Beriman kepada Malaikat: - Yakin dan percaya kewujudan malaikat sebagai makhluk Allah SWT daripada cahaya dan sentiasa taat menjalankan tugas yang ditetapkan oleh Allah SWT. 2. Beriman kepada Rasul: - Yakin dan percaya para Nabi dan Rasul ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepada mereka. 3. Beriman kepada Hari Akhirat: - Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah. Semua manusia akan dibangkitkan semula dan dihisab untuk menerima balasanNya sama ada syurga atau neraka.	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
	(b)	- banyakan istighfar - menyesal dan tidak mengulangi kesilapan dan memperbaiki diri	2 isi x 1M = 2 Markah										
	(c)	- memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT - bersyukur apabila beroleh kejayaan dalam kehidupan - sentiasa ikhlas dalam amalan - menjauhi fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam - reda dengan ketentuan Allah SWT - menjauhi amalan tilik nasib atau ramalan bintang kelahiran	2 isi x 2M = 4 Markah										
	(d)	- sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan ajaran dan wahyu Allah SWT - bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat - menggabungkan anatar aktiviti ekonomi dengan akidah Islam - berteraskan nilai dan akhlak Islam - memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (daruriyyat) dan keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat)	2 isi x 1M = 2 markah										
	(e)i	- jualbeli / al bai' - sewaan / al ijarah - syarikat / al musyarakah - pelaburan / al mudharabah	2 isi x 1M = 2 Markah										
	(e)ii	Rubrik penskoran <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kriteria</th> <th>skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan fakta</td> <td>1M</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan fakta + huraian</td> <td>2M</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut</td> <td>3M</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan</td> <td>4M</td> </tr> </tbody> </table> Cadangan fakta - Mengadakan ceramah penerangan - Mengadakan kempen/imbuhan - Mengadakan promosi - Mengadakan hebahan - Memberi nasihat		Kriteria	skor	Menyatakan fakta	1M	Menyatakan fakta + huraian	2M	Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M	Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M
Kriteria	skor												
Menyatakan fakta	1M												
Menyatakan fakta + huraian	2M												
Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M												
Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M												

PULAU PINANG 2

4.	(a)	i.	Maksud ibadah dalam Islam ialah Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas (1m) semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT (1m).	2x1m [2 markah] I+H
		ii.	Istilah bagi Z ialah Fardu Kifayah (1m). Tiga contoh ibadah yang berkaitan ialah - Solat jenazah (1m). - Mengurus jenazah (1m). - Membuat penyelidikan (1m). - Bekerja sebagai doktor (1m). - Berniaga barangan halal (1m). - Solat berjemaah di masjid (1m)	4x1m [4 markah]
	(b)		Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah - Sesuai dengan fitrah dan akal manusia (1m) kerana Allah SWT lebih mengetahui selaku pencipta (1m). - Bersifat jelas dan praktikal (1m) bagi memudahkan manusia melaksanakannya (1m). - Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) bagi memakmurkan alam (1m). - Keseimbangan hidup (1m) dari sudut rohani serta jasmani (1m). - Mementingkan budaya ilmu (1m) bagi membina tamadun (1m). - Rahmat bagi sekalian alam (1m) kerana Islam mementingkan kasih sayang dan persaudaraan (1m).	2x2m [4 markah] I+H
	(c)		Dua ciri muamalat Islam ialah - Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis (2m). - Reda-meredai dalam urusan antara kedua-dua belah pihak (2m) - Adil dan mendatangkan manfaat (2m). - Tidak melakukan penipuan (2m).	2x2m [4 markah]
	(d)	i.	Dua jenis sistem muamalat Islam yang berlaku dalam situasi di atas ialah - Al-Rahnu (Gadaian) (1m). - Al-Musyarakah (Syarikat) (1m).	2x1m [2 markah]
		ii.	Contoh jawapan Memberikan pendidikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan negara (I). Hal ini dapat memberikan ilmu serta kesedaran awal kepada masyarakat (HR). Kesannya, masyarakat akan memilih sistem muamalat Islam kerana ia lebih baik dan diredai Allah SWT (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita mestilah bermuamalat secara Islam kerana ia menyumbang kepada kemajuan ekonomi ummah (K). Contoh isi lain - Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh. - Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam. - Mengemaskini sistem muamalat Islam supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam.	4x1m [4 markah] I+HR+ HL+K

SABAH

4. (a) i. Alamiyyah adalah salah satu daripada prinsip pandangan hidup Islam.
Nyatakan pengertian Alamiyyah
(2 markah)
- ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip ‘Alamiyyah.
(4 markah)
- iii. Huraikan **dua** bukti ajaran Islam bersifat ‘Alamiyyah.
(4 markah)
- (b) i. Jelaskan peranan Takaful dalam institusi kewangan Islam di Malaysia.
(2 markah)
- ii. Pemilikan harta dalam Islam bermaksud sesuatu yang dikurniakan oleh Allah kepada hambaNya untuk dimiliki dan memanfaatkan menurut kehendak syarak.
Jelaskan **dua** matlamat pemilikan harta.
(2 markah)
- (c) i. Pada pandangan anda, mengapakah masih ada peniaga yang tidak tidak bermuamalat dengan cara muamalat Islam?
(2 markah)
- ii. Sebagai seorang peniaga, apakah langkah anda untuk menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam
(4 markah)

SARAWAK

4. (a) (i) Apakah maksud akhlak mahmudah? (ms:33) [2 markah]
 - akhlak terpuji/ yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah.
- (ii) Terangkan dua kesan akhlak mahmudah kepada masyarakat. [4 markah]
 - melahirkan masyarakat yang harmoni. (ms:37)
 - meneguhkan perpaduan masyarakat.
- (iii) Terangkan dua cara mengelakkan terjadinya budaya buli dalam kalangan murid sekolah anda. [4 markah]
 - melaporkan kegiatan buli kepada pihak disiplin/ agar tindakan segera dapat diambil.
 - menasihati rakan pembuli secara berhemah/ kerana perbuatan tersebut merupakan kewajipan kita mencegah kemungkaran.
- (b) (i) Jelaskan maksud institusi kewangan Islam. (ms:21) [2 markah]
 - badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya/ mengikut muamalat Islam.
- (ii) Senaraikan empat institusi kewangan Islam di Malaysia selain Baitulmal. [4 markah]
 - perbankan Islam
 - tabung haji
 - takaful
 - zakat
 - wakaf
 - baitulmal
- Institusi baitulmal berfungsi untuk menguruskan harta orang Islam Yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri.
- (c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan supaya rakyat mengetahui kebaikan institusi baitulmal dalam pengurusan kewangan mereka. [4 markah]
 - memberikan penerangan berkaitan kepentingan institusi Baitulmal melalui media massa supaya rakyat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam. Contohnya melalui hebahan di televisyen, radio dan surat khabar. Kesimpulannya, kita hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam membantu mengembangkan peranan institusi Baitulmal kepada komuniti masyarakat.

TERENGGANU

4.	(a)	(i)	Maksud akhlak menurut Islam; Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan/perlakuan (1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam. (1m)	(2 Markah)
		(ii)	Dua cara penghayatan sifat sabar; • Sentiasa menerima sesuatu takdir Allah swt dengan hati yang tenang • Sentiasa berlapang dada dengan sesuatu perkara yang menimpa	(2 Markah)
	(b)	(i)	Dua prinsip 'Alamiyyah menurut Islam; • Islam memuliakan manusia • Nilai keadilan Islam bersifat sejagat • Islam menjamin hak asasi manusia • Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran • Islam mengutamakan keamanan, kedamaian dan kesejahteraan.	(2 Markah)
		(ii)	Dua bukti Islam mengamalkan prinsip 'Alamiyyah dalam ajarannya; • Islam mempunyai prinsip yang sesuai dengan semua bangsa, tempat dan waktu • Islam dapat diterima dan diamalkan oleh semua manusia • Islam sesuai dengan fitrah manusia dan tidak membebankan.	(4 Markah)
		(iii)	Dua bukti yang menunjukkan Waqi'iyyah dalam muamalat • Muamalat Islam mementingkan sifat jujur (1m) dalam semua urusan(1m) • Muamalat Islam menimbulkan ketenangan hati (1m) kepada semua pihak.(1m) • Muamalat Islam melarang penindasan (1m) seperti monopoli atau riba.(1m) • Muamalat Islam mewajibkan sukatan dan timbangan(1m) dengan betul dan tepat.(1m)	(4 Markah)
	(c)	(i)	Dua etika muamalat dalam Islam • Bersifat jujur dan amanah dalam semua urusan. • Tekun dan tabah semasa melaksanakan urusan. • Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT.	(2 Markah)
		(ii)	KBAT Islam melarang umatnya melakukan perkara tersebut kerana ingin menjauhkan manusia daripada penindasan(F/1M). Ini kerana sebarang bentuk penindasan ialah suatu kezaliman(H1/1M) yang diharamkan dalam Islam(H2/1M). Oleh itu kita hendaklah berusaha mematuhi segala perintah Allah agar masyarakat hidup dalam keamanan.(K/1M)	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 Markah)